

ASAS KISOT (WANITA)

Ragam ini dilakukan oleh penari wanita sahaja. Asas ragam ini diambil daripada perbuatan wanita yang sedang bergerak dengan cara mengengsot. Posisi kaki adalah dalam Duduk Bertimpuh Atas Tumit. Paha kanan beralih ke arah sisi kanan sambil diikuti paha kiri. Pergerakan dilakukan sebanyak empat kiraan pada arah kanan ke kiri.

Penari mendepakan kedua-dua belah tangan bagi membentuk posisi V yang membuka ke hadapan. Tangan kemudiannya digerakkan untuk membentuk posisi L ke arah kanan dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.



Ulang Langkah 1 dan Langkah 2 untuk kiraan 3 dan 4.

Pergerakan tangan berubah ke posisi L arah kiri dengan empat kiraan.



Ulang Langkah 1 dan Langkah 2 untuk kiraan 5 dan 6.

Zon
Aktiviti

Lakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan. Hafalkan pergerakan asas tangan dan kaki dalam Tarian Ceracap Inai. Persembahkannya di hadapan kelas.

BUKA LANGKAH (WANITA)

- Posisi ini merupakan aras yang ditunjukkan dari bawah, iaitu dari posisi duduk kepada aras tengah, iaitu posisi berdiri.

Pandangan Hadapan

1



2



Pandangan Sisi

1



2



- Pergerakan bermula dari posisi Duduk Berlutut Tunggal kepada posisi berdiri dengan kaki direndahkan sedikit.
- Posisi kedua-dua tangan pula membuka ke sisi, iaitu seperti mendepa untuk membentuk posisi V yang membuka ke hadapan.



BUKA LANGKAH (LELAKI)

- Penari lelaki berubah aras dari posisi Duduk Bertinggung Sebelah ke posisi Berdiri Berkuda Lebar.

Pandangan Hadapan

1



2



Pandangan Sisi

1



2



- Kedua-dua tangan kanan dibukakan ke sisi dan dikenali sebagai Buka Sembah Dua Tangan, iaitu mendepa untuk membentuk posisi V yang membuka ke hadapan. Kaki kanan pula digerakkan ke sisi selari dengan kedudukan kaki kiri.




SAMPAN BERKOLEK TINGGI (WANITA)

- Penari memulakan posisi ini dengan Berdiri Berkekuda, iaitu kaki kanan diletakkan menyilang di hadapan kaki kiri. Tangan pula berada pada posisi Buka Sembah dengan mengayunnya untuk membentuk posisi tangan berbentuk L ke arah kanan pada empat kiraan.
- Kaki kiri bersilang di hadapan kaki kanan dan tangan juga serentak beralih pada posisi L ke arah kiri dengan empat kiraan. Pergerakan tangan kekal dengan ragam Sampan Berkolek untuk kedua-dua arah.

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



SAMPAN BERKOLEK TINGGI (LELAKI)

1 Pandangan Hadapan



2



3



4



5



6



7



8



1



Pandangan Sisi

2



3



4



5



6



7





8



KETAM BERKOLEK (WANITA)


- Penari memulakan pergerakan tangan dengan mendepakan kedua-dua belah tangan untuk membentuk posisi V yang membuka ke hadapan. Tangan kemudiannya membentuk posisi L ke arah kanan dengan empat kiraan secara Sampan Berkolek.
- Pergerakan tangan posisi L arah kanan berubah ke arah kiri dengan empat kiraan.



Pergerakan kaki ke kanan bagi Langkah 1 hingga Langkah 4.


- Kaki kiri penari digerakkan menyilang di belakang kaki kanan dan posisi badan berubah dari aras sederhana kepada aras rendah pada kiraan kedua dan keempat. Pada kiraan keenam dan kelapan, kedudukan kaki kanan pula disilangkan di belakang kaki kiri pada perubahan posisi badan yang sama.

- Gerak Ketam (Kanan dan Kiri) ini merupakan pergerakan kaki pada posisi Berdiri Berkekuda Lebar. Pergerakan dimulakan dengan kaki kanan melangkah ke arah sisi kanan sambil diikuti kaki kiri menyilang belakang kaki kanan pada aras sederhana.
- Pergerakan dilakukan sebanyak empat kiraan ke arah kanan.
- Pergerakan kemudiannya berubah kepada posisi kaki kiri yang melangkah ke arah sisi kiri sambil diikuti kaki kanan menyilang belakang kaki kiri.
- Pergerakan dilakukan sebanyak empat kiraan ke arah kiri.



Pergerakan kaki ke kiri bagi Langkah 5 hingga Langkah 8.

KETAM BERKOLEK (LELAKI)



Pergerakan kaki ke kanan bagi Langkah 1 hingga Langkah 4.










Pergerakan kaki ke kiri bagi Langkah 5 hingga Langkah 8.

SERANG BALAS BERTENTANG (WANITA & LELAKI)







Pergerakan Serang Balas dilakukan secara bertentangan, iaitu berhadapan dengan pasangan. Pergerakan ini dilakukan sama ada bertukar kedudukan atau membuat pusingan dengan cara bergerak.

WANITA

PANDANGAN ATAS



- Dalam ragam ini, penari menggunakan asas ragam Berkolek Tinggi dan asas pergerakan tangan pula menggunakan ragam Sampan Berkolek.
- Pergerakan dilakukan dengan lapan kiraan.



Petunjuk: O = Lelaki
X = Wanita

**TAHUKAH
ANDA**

Pergerakan asas bagi Tarian Ceracap Inai ini diambil daripada pergerakan silat. Pergerakan silat yang ketara ialah gerak Serang Balas. Pergerakan ini memerlukan sepasang penari. Kedudukan kaki yang sentiasa berkekuda juga menunjukkan tarian ini lebih kepada pergerakan silat. Selain ketangkasan melakukan pergerakan, konsentrasi yang tinggi dalam mengimbangi Ceracap Inai daripada cahaya api lilin terpadam merupakan pengawalan penggunaan tenaga yang baik semasa melakukan persembahan.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada Buku *Tarian Ceracap Inai* terbitan Istana Budaya, tulisan Khalid Mohamad Nor (2013).

SERANG BALAS (LELAKI)

Ragam ini dilakukan dalam posisi Berdiri Berkekuda Lebar sambil tangan diayunkan dan tubuh badan digerakkan ke kanan dan ke kiri seolah-olah seorang pahlawan sedang bertarung menyerang dan bertahan.

Posisi Bersedia



1




2



5



6



- Pergerakan dilakukan bermula dengan tangan kanan diayunkan terlebih dahulu dan diikuti tangan kiri.
- Terdapat perbezaan pada aras posisi badan, iaitu pada kiraan pertama hingga keempat dengan posisi badan kekal tegak pada aras sederhana.
- Pada kiraan kelima hingga kelapan, posisi aras badan mula berubah ke aras rendah sambil pergerakan tangan melakukan ragam Sampan Berkolek.
- Ragam tari ini mempunyai lapan kiraan dan boleh dilakukan secara berulang-kali.

Tan Aktiuti

Lakukan dan hafalkan gerak tari Tarian Ceracap Inai yang berunsurkan gerak silat dengan mengaplikasikan semua unsur tari bersama-sama dengan rakan anda secara berkumpulan berdasarkan postur dan gestur yang betul.

3



4



7



8



SEMBAH TUTUP

Pergerakan akhir ini dilakukan sebagai memberikan penghormatan kepada penonton yang menyaksikan persembahan. Tujuannya adalah untuk memberitahu penonton bahawa persembahan Tarian Ceracap Inai ini telah tamat.

WANITA

Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi



Pada kiraan kelapan, penari wanita memberikan hormat Sembah Tutup terakhir dengan keadaan badan dicondongkan sedikit ke belakang dan posisi tangan pada Sembah Gayung.

LELAKI

Pandangan Hadapan

1



2



3



4



5



6




7



8



Pandangan Sisi



Pada kiraan kelapan, penari lelaki kekal pada posisi badan tegak dan posisi yang sama seperti yang dilakukan oleh penari wanita, iaitu memberikan Sembah Tutup kepada penonton.

IMPROVISASI GERAK TARI

Improvisasi gerak tari dilakukan dengan melibatkan elemen tubuh badan, masa, tenaga, ruang dan harmoni berdasarkan ragam tari.

TUBUH BADAN

- Gunakan tubuh badan sebagai alat utama untuk melakukan pergerakan.
- Gunakan bahagian torso bawah, iaitu kaki dengan melakukan posisi pergerakan kaki.
- Gunakan bahagian torso atas, iaitu pergerakan tangan dengan melakukan posisi pergerakan asas dan ragam tari berdasarkan unsur tari.
- Pastikan gestur betul dan tepat semasa melakukan pergerakan.

MASA

- Lakukan gerak tari berdasarkan tempo masa yang berbeza, iaitu laju, sederhana dan perlahan.
- Perhatikan dan teliti kesan terhadap gaya badan ketika menari dengan menggunakan tempo yang berbeza.

TENAGA

- Lakukan gerak tari dengan penggunaan tenaga yang berbeza, iaitu dengan cara mengawal kualiti pergerakan dan mengawal keseimbangan badan.

RUANG

- Semasa membentuk pola lantai, pastikan ruang peribadi dan ruang umum dimanfaatkan sepenuhnya dengan menekankan aspek aliran, aras dan arah.

HARMONI

- Pastikan elemen harmoni wujud dengan menggabungkan kesemua unsur tari semasa melakukan persembahan.


Tan Aktiiviti

Berdasarkan improvisasi gerak tari, gabungkan kesemua unsur yang dinyatakan dan lakukan improvisasi gerak tari dalam Tarian Ceracap Inai.


1.3 POLA LANTAI

Pola lantai dalam Tarian Ceracap Inai tidak mempunyai bentuk yang khusus. Koreografer bebas membentuk pola lantai yang diinginkan berdasarkan jumlah penari. Tarian ini biasanya ditarikan secara berpasangan sama ada antara lelaki dengan wanita, lelaki dengan lelaki atau wanita dengan wanita. Setelah tarian ini dibawa ke pentas persembahan, corak persembahan dan pola lantai tradisi dipelbagaikan.


KEPELBAGAIAN POLA LANTAI DALAM TARIAN CERACAP INAI




SEMUT BERIRING




BUNGA TANJUNG




KOTAK U



BUNGA LAWANG



PUCUK REBUNG





KAYU MANIS MEMANJANG

Petunjuk: 0 = Lelaki, X = Wanita

Rajah 1.2 Jenis pola lantai yang sesuai untuk Tarian Ceracap Inai.

APLIKASI KEFAHAMAN POLA LANTAI DAN PENGHASILAN KOMPOSISI POLA LANTAI DALAM TARIAN CERACAP INAI, MUAR JOHOR

BIL	RAGAM TARI	KIRAAN	POLA LANTAI	PENERANGAN
1.	Pergerakan berjalan masuk	2 x 8	01 X1 02 X2 03 X3 04 X4	Penari masuk dari arah kiri pentas dalam bentuk Baris Memanjang dan bergerak ke tengah pentas.
2.	Ragam Susun Sembah Ragam Sembah Silang Ragam Datang Sembah Ragam Sisip Ragam Buka Sembah Ragam Sampan Berkolek (kanan dan Kiri)	1 x 8 1 x 8 1 x 8 1 x 8 1 x 8 4 x 8	01 X1 04 X4 02 X2 03 X3	Dalam posisi pola Separuh Bulatan, penari melakukan ragam tari yang dinyatakan sebelum berubah pada pola lantai yang seterusnya.
3.	Ragam Gerak Ketam (kanan dan Kiri) Ragam Sampan Berkolek (kanan dan Kiri) Ragam Gerak Ketam Ragam Asas Kisot Ragam Buka Langkah	2 X 8 2 x 8 2 x 8 1 x 8	01 X1 04 X4 03 X3 02 X2	Penari melakukan ragam Gerak Ketam dari pola lantai Separuh Bulatan kepada pola lantai Kayu Manis Menegak. Kemudian, penari melakukan ragam Sampan Berkolek (kanan dan kiri), dan seterusnya penari lelaki melakukan ragam Gerak Ketam dan penari wanita pula melakukan ragam Asas Kisot dan mereka mengakhiri ragam dengan Buka Langkah.
4.	Ragam Berkolek Tinggi Ragam Buka Langkah / Duduk Berlutut Ragam Serang Balas / Ragam Pusing Setempat Ragam Serang Bertentang	2 x 8 1 x 8 2 x 8 2 x 8	04 X4 01 X1 03 X3 02 X2	Penari bergerak dari pola Corak Kotak sambil melakukan ragam Berkolek Tinggi. Penari lelaki kemudiannya melakukan ragam Buka Langkah, manakala penari wanita melakukan ragam Duduk Berlutut. Setelah itu, penari lelaki melakukan ragam Serang Balas dan penari wanita melakukan ragam Pusing Setempat. Mereka mengakhiri pergerakan dengan melakukan ragam Serang Bertentang.

5.	Ragam Ketam Berkolek Tinggi (kanan dan Kiri) Ragam Buka Sembah Ragam Gerak Ketam (kanan dan Kiri) Ragam Sampan Berkolek (kanan dan Kiri) Ragam Sembah Tutup	2 x 8 1 x 8 1 x 8 2 x 8 1 x 8		Penari bergerak dari pola Corak Kotak kepada pola Bunga Lawang menggunakan ragam Berkolek Tinggi. Pada posisi pola Bunga Lawang, penari melakukan ragam Buka Sembah, ragam Gerak Ketam, ragam Sampan Berkolek dan diakhiri dengan ragam Sembah Tutup.
6.	Berjalan keluar	3 x 8		Selepas melakukan ragam Sembah Tutup, penari bangun dan maju ke hadapan untuk membentuk pola Barisan Memanjang dan keluar ke arah kiri penonton.



ALAT MUZIK

Alat muzik yang digunakan dalam persembahan Tarian Cerecap Inai terdiri daripada kompang, gong dan harmonium.

KOMPANG

- Kompang tergolong dalam alat muzik gendang.
- Kompang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu baluh (bingkai) dan belulang (muka).
- Kompang biasanya mempunyai ukur lilit berukuran 16 inci.
- Kompang dimainkan dengan memegang dengan sebelah tangan sementara dipalu dengan sebelah tangan yang lain.
- Cara memalu kompang adalah dengan menepuk kulit kompang dengan bahagian jari atau tapak tangan mengikut rentak.



GONG

- Gong merupakan sejenis alat muzik yang menghasilkan bunyinya melalui kaedah seperti ketukan atau memalu pada busut gong.
- Dalam persembahan Ceracap Inai, gong digabungkan dengan kompang untuk memberikan tanda pada setiap durasi lagu yang dimainkan.



- Alat muzik peti harmonium digunakan sebagai pelengkap dalam menghasilkan melodi untuk lagu *Pari Lang*.
- Alat muzik popular ini digunakan dalam persembahan ghazal di negeri Johor. Harmonium merupakan peti yang diperbuat daripada kayu dan menggunakan angin untuk membunyikannya.

PETI
HARMONIUM

1.4 SINOGRAFI DALAM PERSEMBAHAN

UNSUR SINOGRAFI DAN APLIKASI PENGGUNAANNYA DALAM PERSEMBAHAN

SILA



A. PROP

Prop untuk Tarian Ceracap Inai dikenali sebagai Ceracap Inai. Bekas ini telah direka khas oleh seorang pengukir Melayu yang menggabungkan penggunaan bunga emas, lilin, ukiran kayu dan mangkuk yang mempunyai maksud tersendiri.

1

UKIRAN KAYU

Terdapat dua kepingan kayu yang berukir dan dicantumkan secara bersilang. Ukiran yang ditonjolkan bermotifkan corak flora dan tumbuhan menjalar yang bermaksud dimurahkan rezeki.


2

BEKAS KECIL TEMBAGA


Bekas dilekatkan pada bahagian bawah silangan kayu sebagai tapak untuk memegang. Bekas ini sebagai lambang penjaga atau penyokong yang mampu untuk menahan segalanya yang berada diatas.

BUNGA EMAS

Bunga diletakkan di bahagian tengah bekas Ceracap Inai. Rimbunan pohan emas ini adalah sebagai lambang kemewahan.

**LILIN**

Lilin diletakkan di empat penjuru pada hujung ukiran kayu. Lilin ini ialah lambang empat penjuru alam kepada perihal dalam rumah tangga, iaitu kedamaian, keimanan, kecintaan dan harapan.



B. BUSANA

Busana merupakan keperluan yang sangat penting dalam pementasan. Busana asasnya ditakrifkan sebagai sesuatu yang dipakai untuk membalut anggota tubuh badan daripada sebarang elemen yang boleh mencederakan anggota, menyesuaikan suhu tubuh badan dengan cuaca, menjaga maruah diri dan memberikan keselesaan pergerakan. Bagi Tarian Ceracap Inai, biasanya penari lelaki memakai Baju Melayu Teluk Belanga, bersamping dagang dalam, dan bersongkok. Penari wanita pula memakai Baju Kurung Johor berleher Teluk Belanga, berkain sarung Ikat Ombak Beralun dan sehelai samping digunakan untuk berdagang luar. Pada bahu penari wanita, sehelai kain pendek yang dikenali sebagai Tetaman diletakkan untuk hiasan.



TAHUKAH ANDA

Kain mantul merupakan selendang pendek bersulam, yang diletakkan pada bahu apabila sedang memakai kain dagang sebagai kelengkapan baju kurung.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada buku *Pakaian Cara Melayu* (UKM 2006) tulisan Siti Zainon Ismail.



TAHUKAH ANDA

Seni jahitan halus pada bahagian baju yang mengelilingi bentuk leher Baju Melayu atau Baju Kurung Teluk Belanga disebut sebagai tikam leher. Ciri khas baju kurung Teluk Belanga ialah leher baju yang berbentuk bulat dan diserikan dengan sulaman serta kancing sebutir. Terdapat pelbagai bentuk tikaman sulaman yang boleh digunakan dan dipadankan pada bahagian leher baju Teluk Belanga seperti tikaman mata lalat, tikaman tulang belut, tikaman insang pari dan tikaman karipap atau kulit kerang.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada buku *Apresiasi Seni Jahitan Busana Johor* (2006) oleh Majlis Kebudayaan Negeri Johor untuk Bengkel Seni Jahitan Tulang Belut bersempena dengan Minggu Budaya Johor anjuran Yayasan Warisan Johor.

Persembahan Tarian Ceracap Inai pada zaman dahulu pernah dipersembahkan di istana. Mengapakah tarian tersebut tidak dikategorikan sebagai tarian istana?

C. TATARIAS

Tatarias merupakan aspek yang mesti dititikberatkan dalam persembahan. Tata merujuk peraturan, kaedah, cara atau susunan pada sesuatu perkara. Rias pula berkait rapat dengan perihal menghias diri dan bersolek. Perlakuan menghias diri dalam konteks persembahan tarian merujuk cara menghias dan menggunakan aksesori pada bahagian yang tertentu seperti pada rambut, telinga, leher, pergelangan tangan dan tubuh badan.

LELAKI

Aksesori untuk penari lelaki ialah songkok tinggi, kerongsang songkok, butang baju, rantai dan bulu pada songkok.



WANITA

Aksesori untuk wanita pula ialah bunga hiasan, subang, tali pinggang pending, cucuk sanggul, rantai labuh dan tetampan.




CARA-CARA MENGIKAT IKATAN SANGGUL LEBAH BERGANTUNG

Sanggul ialah gulungan rambut yang didandan dan disikat rapi di atas kepala penari wanita. Biasanya, rambut akan disanggul dalam bentuk dandanan yang rapi dan kemas serta ditambah dengan bunga-bunga dan cucuk sanggul agar kelihatan manis dan menarik. Mari kita mempelajari cara-cara untuk membuat sanggul Lebah Bergantung.

LANGKAH 1

Cekak dan ikat keseluruhan rambut di tengah-tengah bahagian kepala. Ikat rambut dengan menggunakan getah.



LANGKAH 2

Suakkan seluruh bahagian rambut dan dikemaskan dengan semburan gel.



LANGKAH 3

Sasak rambut menggunakan sikat dengan rapi untuk memudahkan rambut dikendur dan dilembungkan.



LANGKAH 4

Naikkan sedikit rambut pada bahagian atas rambut yang diikat dengan getah dan klipkan rambut dengan rapi. Pastikan rambut yang dinaikkan diklip dan bercantum dengan rambut yang lain untuk menghasilkan kembang yang cantik.



LANGKAH 5

Jika rambut tidak panjang, masukkan cemara (rambut tiruan jenis panjang) pada bahagian dalam rambut dan klipkan rambut dengan cermat.



LANGKAH 6

Lentur dan bentukkan terlebih dahulu rambut tadi menjadi seperti bentuk sarang lebah sebelum jala rambut disarungkan pada sanggul.





LANGKAH 7

Kemaskan sanggul dalam keadaan rapi dan pastikan jala menutupi keseluruhan rambut.

LANGKAH 8

Pastikan bentuk sanggul ini didandan menegak ke bawah dan berada di tengah-tengah belakang pangkal telinga.



LANGKAH 9

Susun bunga sebanyak satu, tiga atau lima kuntum di sebelah kiri sanggul rambut.



LANGKAH 10

Sematkan cucuk sanggul di sebelah kanan sanggul rambut.



LANGKAH 11

Hasil dandanan sanggul rambut Lebah Bergantung yang telah siap.



SILAIMBAS



TATARIAS SOLEKAN WAJAH



1. Wajah yang belum disolekkan.
2. Letakkan sejumlah kecil bedak asas pada bahagian dahi bawah mata dan di atas dagu.



3. Sapukan bedak asas pada wajah sehingga rata.
4. Ratakan bedak tabur dengan menggunakan span di seluruh wajah.



5. Lukiskan bahagian kening bermula dari pangkal kening hingga hujung kening agar kelihatan kemas dan tajam.
6. Gunakan pembayang mata berwarna coklat untuk membentuk tulang hidung.



7. Sapukan warna pembayang mata pada bahagian kelopak mata dengan ton warna yang sederhana cerah seperti warna coklat jingga, coklat cerah, merah pulasan terang dan gelap atau warna gangsa. Sapukan pembayang mata menggunakan teknik serakan.
8. Pilih ton warna gelap seperti warna coklat tua atau hitam. Gelapkan bahagian hujung kelopak mata sedikit untuk menampakkan ruang hujung mata kelihatan lebih besar.



9. Letakkan warna yang lebih terang seperti krim atau putih di bawah kening. Serakkan warna pembayang mata dengan cermat.

10. Lukiskan hujung kelopak mata dengan *eyeliner* berwarna hitam.
11. Lukiskan garisan hitam pada bawah mata dengan menggunakan celak mata berwarna hitam.





12. Sapukan pemerah pipi pada tulang pipi dengan warna tanah seperti jingga atau coklat agar kelihatan semula jadi. Arahkan berus daripada pipi hingga ke telinga.



13. Lekatkan bulu mata palsu dengan menggunakan gam secara cermat.



14. Sapukan pemerah bibir berwarna merah hati pada bibir.



Bahagian mata penari yang telah siap disolek dengan teknik solekan klasik.



STRUKTUR PERSEMBAHAN

Terdapat tiga bahagian utama yang membentuk struktur persembahan Tarian Ceracap Inai, iaitu bermula daripada penari masuk panggung, kemudian gerak tari dan akhir sekali keluar panggung atau pentas persembahan.

MASUK PANGGUNG

Penari berjalan masuk ke dalam panggung dari tepi pentas dengan kedua-dua orang penari membawa bekas Ceracap Inai semasa lagu (pukulan kompang) dimainkan.

GERAK TARI

Gerak tari dimulakan dengan ragam Sembah dan diteruskan dengan kumpulan ragam pada posisi aras rendah sebelum ragam pada posisi aras sederhana. Tarian diakhiri dengan ragam pada posisi aras rendah dan ditutupi dengan ragam Sembah Tutup.

KELUAR PANGGUNG

Penari mengangkat bekas Cecacap Inai dan bangun lalu keluar dari tengah panggung ke tepi sambil diiringi lagu pukulan kompang.

PINTAR TMK

Cari maklumat lanjut dengan menaip kata kunci "Ceracap Inai". Berdasarkan carian tersebut, bincangkan persembahan tarian yang ditonton.



1

Koreografi

Komposisi ragam tari hendaklah disusun berdasarkan kaedah pengulangan, turutan, dan kombinasi dalam koreografi yang dicipta. Di samping itu, pemilihan pola lantai dari aspek simetri, asimetri, motif flora dan fauna atau motif hiasan bercirikan kemelayuan perlu dipertimbangkan. Semua unsur ini boleh dirancang dan dilakukan untuk menghasilkan koreografi yang menarik dan unik.

2

Perancangan dan Latihan Persembahan

Dalam proses perancangan persembahan, anda hendaklah membuat pemilihan penari dengan teliti berdasarkan bilangan, jantina, ketinggian dan saiz. Bagi menentukan jadual waktu latihan, anda perlu mengambil kira keperluan bentuk latihan agar sesuai dan bertepatan dengan tarikh dan masa sebelum hari persembahan berlangsung.

Selain itu, lokasi tempat latihan tidak kurang pentingnya dalam merancang latihan persembahan. Pemilihan lokasi seperti studio latihan, dewan terbuka dan sebagainya hendaklah disesuaikan dengan keperluan persembahan. Ruang pentas juga perlu diperiksa agar selamat digunakan. Aspek lain yang perlu diambil kira semasa proses perancangan ialah sinografi. Pemilihan sinografi dari aspek busana, tatarias, pencahayaan dan muzik perlulah tepat dan boleh disuaipadankan dengan tarian yang dibawa.

3

Persembahan

Anda hendaklah melakukan proses *dry-run* terlebih dahulu sebelum persembahan yang sebenar berlangsung. Tujuan *dry-run* dilaksanakan adalah bagi memberikan peluang dan keselesaan kepada penari melakukan pergerakan dan menyesuaikan diri pada ruang tarian yang sebenar mengikut perancangan koreografi yang telah diatur dan disusun semasa latihan. Anda boleh menghasilkan persembahan tarian dengan iringan muzik, prop dan aplikasi sinografi yang telah dipilih berdasarkan unsur tari.

**CARA MENILAI, MENGULAS DAN MENKRIKTIK
HASIL KOREOGRAFI TARIAN CERACAP INAI****MENILAI**

Kaedah menilai Tarian Ceracap Inai perlu diperhatikan berdasarkan pembelajaran yang telah dilalui dan dilakukan dalam koreografi yang dihasilkan secara khusus dengan mengenal pasti perkara berikut:

- Terminologi dan huraian tari yang digunakan.
- Posisi dan struktur gerak tari yang dilakukan.
- Penghasilan pola lantai.

MENGULAS

Aspek berikut perlu ditekankan semasa membuat ulasan dan analisis koreografi Tarian Ceracap Inai:

- Penghasilan komposisi pola lantai.
- Penggunaan gerak tari dari aspek posisi dan struktur pergerakan yang dilakukan.
- Penekanan yang merangkumi cara penata tari menggunakan unsur tari untuk menghasilkan bentuk koreografi Tarian Ceracap Inai yang berkualiti seperti penggunaan tubuh badan (postur dan gestur), ruang (ruang peribadi dan umum, aliran, arah dan aras) dan tenaga (penggunaan tenaga yang dilaksanakan).

MENKRIKTIK

Hujah kritikan yang menerangkan kepentingan koreografi yang dihasilkan perlu merangkumi aspek berikut:

- Kemampuan penari melakukan, mengaplikasikan, menghalusi kemahiran gerak tari dan menjanakan idea kreatif dalam penghasilan koreografi Tarian Ceracap Inai.
- Kelebihan dan kekurangan koreografi untuk penambahbaikan karya Tarian Ceracap Inai.

ETIKA PERSEMBAHAN DAN NILAI MURNI

Setiap individu perlu menitikberatkan nilai murni dalam semua aspek kehidupan. Dalam tarian, amalan nilai murni dan etika yang positif secara berterusan akan dapat memupuk peribadi yang tinggi dalam diri seseorang.

SITUASI

SEBELUM

LATIHAN

- Bekerjasama melaksanakan kerja berkumpulan
- Peka pada arahan guru
- Menepati masa
- Bertanyakan soalan jika kurang memahami penerangan guru

PERSEMBAHAN

- Bantu-membantu
- Bertimbang rasa
- Tidak berbual-bual kosong
- Pantas melakukan kerja

SEMASA

- Bersungguh-sungguh dalam melakukan tugas
- Memanfaatkan masa sepenuhnya
- Memberikan tunjuk ajar kepada rakan yang kurang berpengalaman
- Menghormati guru dan rakan

- Hadir awal ke lokasi
- Fokus pada persembahan
- Yakin pada diri
- Kreatif

SELEPAS

- Rajin
- Menghormati guru
- Berkomunikasi dengan baik sesama rakan
- Berfikiran positif

- Membersihkan diri, pentas persembahan dan persekitaran
- Bertanggungjawab
- Mengutamakan keselamatan
- Bersikap terbuka semasa guru memberikan komen dan cadangan penambahbaikan selepas persembahan






- Proses *dry-run* dilakukan sebelum persembahan sebenar untuk memberikan peluang kepada penari menyesuaikan diri pada ruang tari mengikut perancangan koreografi yang telah disusun semasa latihan.
- Persembahan tarian diiringi muzik, prop dan aplikasi sinografi yang telah dipilih berdasarkan unsur tari.

- Susun Sembah
- Sembah Silang
- Datang Sembah
- Sisip
- Buka Sembah
- Sampan Berkolek
- Gerak Ketam
- Pusing Setempat
- Asas Kisot
- Duduk Berlutut
- Buka Langkah
- Berkolek Tinggi
- Ketam Berkolek Tinggi
- Asas Serang Balas
- Serang Balas Buka Langkah
- Susun Sembah Tutup

- Prop – Ceracap Inai
- Busana Wanita – Cucuk sanggul, anting-anting, rantai, Baju Kurung Teluk Belanga dan Kain Ikatan Ombak Beralun
- Busana Lelaki – Songkok, kerongsang songkok, sapu tangan, Baju Melayu Teluk Belanga, sampung, seluar
- Tatarias Wanita – Bunga hiasan, subang, tali pinggang pending, cucuk sanggul, rantai labuh dan kain mantul atau kain tetapan
- Tatarias Lelaki – Songkok tinggi, kerongsang songkok, butang baju, rantai dan bulu pada songkok

- Semut Beriring
- Bunga Tanjung
- Corak Kotak
- Bunga Lawang
- Pucuk Rebung
- Baris Memanjang



Jawab semua soalan berikut.

1. Nyatakan posisi tangan dan kaki yang terdapat dalam Tarian Ceracap Inai.
2. Senaraikan dan huraikan elemen bahan yang terdapat pada prop Ceracap Inai.
3. Senaraikan terminologi yang terdapat dalam ragam tari berikut:
 - a. Ragam Ketam Berkolek Tinggi
 - b. Ragam Asas Kisot
 - c. Ragam Gerak Serang Balas
 - d. Ragam Susun Sembah
4. Huraikan maksud istilah berikut:
 - i. Sampan Berkolek
 - ii. Serang Bertentang
 - iii. Serang Berbalas
5. Tulis susun atur kedudukan pemakaian busana dan tatarias Tarian Ceracap Inai yang digunakan oleh penari lelaki dan wanita bermula dari bahagian kepala sehingga ke kaki. Huraikan perincian tersebut.
6. Bezakan pergerakan ragam Gerak Ketam dan ragam Ketam Berkolek Tinggi berdasarkan unsur tari aras dan tubuh badan.
7. Tarian Ceracap Inai ditarikan di hadapan pengantin semasa upacara malam berinai diadakan. Ulaskan pernyataan tersebut.
8. Persembahan Tarian Ceracap Inai telah melalui proses koreografi yang rapi dan teliti. Penekanan daripada unsur komposisi seperti penyusunan ragam tari dan reka bentuk pola lantai yang dicipta telah diberikan perhatian. Terangkan proses tersebut dengan merujuk koreografi persembahan anda.